

610:
MAHATHIR-SEKOLAH

1976

SEGAMAT, 6 MAC (BERNAMA)-- TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, MASAALAH-MASAALAH PEMBANGUNAN SEKOLAH DI NEGARA TIDAK DAPAT DIATASI DENGAN SEKALIGUS.

INI ADALAH KERANA BUKAN SAHAJA PERUNTUKAN KEWANGAN YANG BANYAK DIKEHENDAKKAN TETAPI TENAGA MELAKSANAKANNYA JUGA PERLU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERESMIKAN DEWAN BESAR SEKOLAH TINGGI YANG JUGA MENYAMBUK PERAYAAN JHBLI EMAS DI SINI.

DR. MAHATHIR MENAMBAH, USAHA-USAHA PEMBANGUNAN ITU TERPAKSA DIJALANKAN BERPERINGKAT MENGIKUT KEUTAMAAN.

BELIAU KERAPKALI MENERIMA PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN KEMUDAHAN KEMUDAHAN TAMBAHAN DARIPADA SEKOLAH-SEKOLAH YANG PERNAH MENDAPAT PROJEK-PROJEK SEDEMikian.

BELIAU BERHARAP SEKOLAH-SEKOLAH YANG TELAH MENDAPAT PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN AKAN MENGGUNAKANNYA DENGAN BIJAKSANA. --
BERSAMBUNG 2045/MD

144

611:
MAHATHIR-SEKOLAH 2 SEGAMAT

DR. MAHATHIR BERKATA, SEKOLAH-SEKOLAH LAIN HARUS DIBERI PELUANG MENDAPAT PROJEK PEMBANGUNANNYA SUPAYA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN DAPAT TERSEBAR LEBIH SAMA RATA DAN FAEDAHNYA DINIKMATI OLEH LEBIH RAMAI MURID TERUTMA DI KAWASAN LUARBANDAR.

BELIAU BERKATA IBUBAPA DAN MASYARAKAT MESTI MEMBERI KERJASAMA MENGUATKAN DISIPLIN ANAK-ANAK DI RUMAH SEMENTARA KEMENTERIAN PELAJARAN MENGADAKAN PERATURAN DISIPLIN DI SEKOLAH-SEKOLAH.

DR. MAHATHIR MENGALU-ALUKAN SUMBANGAN DAN KERJASAMA KEPADA KERAJAAN DARI PENDUDUK DI SINI DALAM PEMBINAAN DEWAN SEKOLAH TERSEBUT.

JASA BAIK DAN KEMURAHAN HATI MEREKA MEMBUKTIKAN BAHAWA RAKYAT DI SINI MEMPUNAYI SEMANGAT YANG TIDAK HANYA BERGANTUNG DALAM SERBA-SEBINYA KEPADA KERAJAN TETAPI SANGGUP BERKORBAN DAN BERDIKARI UNTUK KEBAIKAN BERSAMA, TAMBAHNYA. --BERNAMA 2047/MD